

D396

U B234 DEB  
MAHATHIR - TANAH

LANGKAWI, 6 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA PEMILIK TANAH DI LANGKAWI SUPAYA JANGAN MENJUAL TANAH MASING-MASING TETAPI MEMAJUKANNYA DENGAN USAHASAMA PELABUR YANG BERMINAT, UNTUK MENDIRIKAN HOTEL.

BELIAU BERKATA, MEMANDANGKAN LANGKAWI MEMPUNYAI POTENSI YANG CERAH SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN LEBIH BANYAK LAGI, HOTEL JENIS MURAH, SEDERHANA DAN MAHAL BOLEH DIDIRIKAN.

MENURUTNYA, MEREKA HENDAKLAH MENGUSAHAKAN HOTEL-HOTEL BERKENAAN SECARA USAHASAMA KERANA MEREKA MUNGKIN TIDAK MAMPU UNTUK MENDIRIKAN HOTEL-HOTEL YANG MENARIK SECARA BERSENDIRIAN.

+WALAUPUN HARGA TANAH DI LANGKAWI SEKARANG TINGGI, TUAN-TUAN TANAH TIDAK SEPATUTNYA MENJUAL TANAH ITU, + KATANYA KEPADA PEMBERITA DI HOTEL PELANGI BEACH RESORT, PANTAI CHENANG, SELEPAS MELAWAT SEKITAR LANGKAWI.

BELIAU BERKATA, PEMBINAAN HOTEL-HOTEL BERKENAAN AKAN MEMBERI FAEDAH KEPADA PENDUDUK LANGKAWI DAN MEMBUKA LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN. -- LAGI.

1600MST 06 10 89

D398

U B236 DEB  
MAHATHIR - TANAH 2 LANGKAWI

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN JUGA SEDANG BERUSAHA MEMAJUKAN LANGKAWI SETAKAT YANG TERMAMPU.

BELIAU BERKATA BELIAU TERTARIK DENGAN USAHA PEHBANGUNAN KAWASAN PELANCONGAN TEPI PANTAI DI GREECE DAN SEDANG MENINJAU SAMA ADA USAHA YANG SERUPA BOLEH DIJALANKAN DI LANGKAWI.

KETIKA DITANYA TENTANG URA-URA HENDAK MENJADIKAN LANGKAWI SEBAGAI BALI NOMBOR DUA + BELIAU BERKATA, + LANGKAWI ADALAH NOMBOR SATU DI MALAYSIA KENAPA PULA ADA NOMBOR DUA. +

MENGENAI PERSIARAN BAGI MENYAMBUK KEDATANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL YANG AKAN BERISTIRAHAT DISINI SEMASA MESYUARAT HERAKA 18. - 24 OKT, BELIAU BERKATA SEGALA PERSIAPAN SUDAH DILAKSANAKAN.

PERDANA MENTERI YANG TIBA DI SINI PETANG SEMALAM, DIIRINGI OLEH MENTERI KEWANGAN, DATUK PADUKA DAIM ZAINUDDIN DAN TELAH MELAWAT BEBERAPA PROJEK TERMASUK JETI BARU DI KUAH, MAKAM MAHSURI, JETI, PADANG GOLF DAN PULAU SINGA BESAR. -- BERNAMA.

1604MST 06 10 89